

'Mereka tak faham'

Menteri jelaskan bahawa MM2H bantu cairkan ekonomi negara

MOHD ISKANDAR
OTHMAN

KEPALA BATAS

Cadangan penjualan hartanah kepada pembeli luar di bawah Skim Malaysia My Second Home (MM2H) bertujuan mencairkan ekonomi negara selain membantu memulihkan industri perumahan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamarudin berkata, mereka yang mengkritik cadangan berkenaan mungkin tidak fa-

ham dengan konsep ekonomi negara ketika ini.

Menurutnya, ketika ini terdapat banyak hartanah dan projek rumah mewah termasuk bangunan komersial yang bernilai kira-kira RM100 bilion tidak terjual di negara ini.

"Kalau kita tak selesaikan semua hartanah ini, 10 tahun akan datang landscape negara hanya akan kelihatan banyak bangunan terbengkalai, bangunan kotor dan uzur.

"Adakah kita mahu melihat negara menjadi seperti itu? Pastinya tidak dan kita akan menyesal. Jadi kita perlu menangani semampu boleh daripada sekarang. Namun penjualan hartanah bukan seperti menjual goreng pisang dan dibuat sesuka hati tetapi ada prosedur dan syarat," katanya ketika ditemui media selepas menghadiri



Zuraida (kiri) menyampal surat cara pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai kepada Tun Dr Abdul Rahman di Kepala Batas semalam.

Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai di sini semalam.

Sebelum ini sebuah portal melaporkan Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) bimbang cadangan menarik pembeli daripada China bagi menyelesaikan isu lambakan

rumah tidak terjual.

Usaha kerajaan itu dikhuatiri akan menggalakkan pemaju membina lebih banyak hartanah mewah pada masa akan datang dan mengabaikan peranan menyediakan kediaman pada harga berpatutan kepada rakyat.